

**NO. SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN HJ ZAHARI**  
**[ SETIAWANGSA ]**  
**TARIKH : 21.3.2017 (SELASA)**

**Dato' Ahmad Fauzi Bin Hj Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan aplikasi Ez-ADU yang telah dilancarkan pada tahun 2015 dan berapakah jumlah aduan yang diterima sejak ianya dilancarkan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Ez-ADU merupakan satu aplikasi telefon pintar yang dibangunkan oleh KPDNKK bagi memudahkan pengguna untuk membuat aduan ke KPDNKK. Aplikasi ini telah dilancarkan pada 16 April 2015 oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK). Sehingga **21 Mac 2017**, sebanyak **1,813 jumlah aduan** yang telah diterima menerusi aplikasi ini disambungkan terus ke sistem e-Aduan KPDNKK.

Aplikasi ini bertujuan untuk mempelbagaikan lagi platform penyaluran aduan pengguna sekaligus memantapkan lagi inisiatif perlindungan pengguna, di mana mereka boleh mengemukakan aduan di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja menggunakan aplikasi telefon pintar.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sebanyak **418 aduan diterima** pada **tahun 2015** dan sebanyak **1,043 aduan diterima** pada tahun 2016 dan 352 aduan diterima sehingga 21 Mac 2017 telah disalurkan melalui aplikasi ini menjadikan jumlah keseluruhan aduan adalah sebanyak 1,813 aduan yang diterima dan diselesaikan.